

06 JUN 1996

Arqam

ASHAARI DIMINTA TAMPIL PERBETULKAN PEGANGAN PENGIKUTNYA

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayob meminta bekas pemimpin Al-Arqam, Ashaari Muhammad, supaya mengarahkan bekas pengikutnya supaya jangan lagi cuba menghidupkan semula pergerakan itu yang diharamkan dua tahun lepas.

Beliau percaya Ashaari boleh membantu untuk memulihkan keadaan dengan mengeluarkan kenyataan atau yang sewajarnya supaya pengikut yang taksub kepadanya menghentikan kegiatan mereka yang diharamkan kerajaan.

"Saya mengalu-alukan kejujuran Ashaari dalam hal ini untuk memulihkan semula imej pengikutnya bagi membuktikan dia benar-benar ikhlas serta berpegang kepada janjinya dahulu," kata Megat Junid kepada pemberita selepas majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 1995, Kementerian Dalam Negeri di Memorial Tunku Abdul Rahman Putra di sini.

Majlis itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ashaari perlu tampil untuk meredakan keadaan jika beliau benar-benar jujur dan ikhlas apabila mengatakan beliau tidak terlibat dalam perkara itu serta tidak mahu pengikutnya berbuat demikian, kata Megat Junid.

Mengenai dakwaan terdapat lebih 100 orang pengikut Al-Arqam yang aktif di Selangor kini, beliau berkata KDN sudah mengenalpasti mereka yang terbabit tetapi perlu menjalankan siasatan rapi sebelum bertindak.

Megat Junid tidak menafikan kemungkinan lebih banyak bekas pengikut kumpulan itu akan ditangkap kerana cuba menghidupkan semula pergerakan itu.

Beliau menjelaskan kerajaan terpaksa mengambil tindakan segera berhubung perkara itu sebelum ia menjadi serius dan merbahaya.

Kerajaan juga tidak bercadang mengambil tindakan terhadap Karya One Sdn Bhd yang menerbitkan empat majalah iaitu Tatih, O.K!, Ayu dan Dunia Baru, yang didakwa menyebarkan fahaman Aurad Muhammadiyah dan mendewakan Ashaari, apabila pengerusinya Tamrin Ghafar bersetuju menggantung penerbitan majalah berkenaan.

"Persetujuan itu diberikan oleh Tamrin semasa beliau menemui saya baru-baru ini," katanya sambil menambah Tamrin terkejut apabila mengetahui mengenai isi kandungan majalah itu.

Al-Arqam diharamkan oleh kerajaan pada 1994 apabila didapati mengamalkan ajaran yang bercanggah dengan akidah Islam.

Ashaari, yang pada ketika itu bersembunyi di selatan Thailand, berjaya dibawa pulang ke Malaysia pada Oktober 1994 dan ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Pada 30 Okt 1994, beliau telah secara terbuka mengakui bahawa ajaran yang dibawanya menyeleweng dan menyeru pengikut-pengikutnya supaya kembali ke pangkal jalan.

Bagaimanapun, pada pertengahan Mei lepas, empat bekas anggota pergerakan itu ditahan mengikut ISA apabila didapati masih mengamalkan serta cuba menghidupkan semula pergerakan yang diharamkan itu.

Isnin lepas, polis turut menahan isteri pertama Ashaari, Khadijah Aam dan Pengarah Karya One Sdn Bhd, Pahrol Mohd Goui. -- BERNAMA

RHM AZH NAK